

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]

TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kebangkrapan melalui kategori umur dan sebab kebangkrapan serta langkah-langkah yang boleh dan sedang diambil untuk mengeluarkan mereka-mereka ini daripada belunggu kebangkrapan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi), jumlah kes kebangkrapan bagi tahun 2010 hingga April 2015 ialah sebanyak 107,306 kes. Pecahan jumlah berkenaan mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

- (i) 1,469 kes melibatkan golongan umur di bawah 25 tahun;
- (ii) 23,484 kes melibatkan golongan umur 25 hingga 34 tahun;
- (iii) 37,888 kes melibatkan golongan umur 35 hingga 44 tahun;
- (iv) 29,952 kes melibatkan golongan umur 45 hingga 54 tahun; dan
- (v) 13,490 kes melibatkan golongan umur 55 tahun ke atas.

2. Bagi tempoh yang sama (2010 – April 2015), punca kebangkrapan adalah:

- (i) 31,030 kes disebabkan oleh kegagalan menjelaskan bayaran sewa beli kenderaan;

- (ii) 23,314 kes disebabkan kegagalan menjelaskan pinjaman perumahan;
- (iii) 19,842 kes disebabkan kegagalan menjelaskan pinjaman peribadi;
- (iv) 12,868 kes disebabkan kegagalan menjelaskan pinjaman perniagaan; dan
- (v) 6,230 kes disebabkan kegagalan menjelaskan penjamin sosial.

3. Dari segi undang-undang, terdapat tiga cara untuk seorang bankrap keluar daripada kebankrapannya iaitu:

- (i) melalui Perintah Pembatalan di bawah Seksyen 105, Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*] daripada Mahkamah;
- (ii) melalui Perintah Pelepasan di bawah Seksyen 33, Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*]; atau
- (iii) melalui Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi di bawah Seksyen 33A, Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*].

Sekian, terima kasih.